

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (43)
Tarikh : 28 Disember 2015

**Ketua Pengarang
Kosmo**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR KOSMO DI RUANGAN WHATSAPP BERTARIKH
28 DISEMBER 2015, ISNIN – M.S: 20**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang oleh **PRIHATIN** berkenaan rakyat Malaysia yang tidak mempunyai kad pengenalan.
3. Untuk makluman, kad pengenalan kali pertama perlu didaftarkan pada usia 12 tahun berdasarkan kelayakan status warganegara perundangan sedia ada.
4. Ingin dimaklumkan juga, lahir di Malaysia dan memiliki sijil kelahiran Malaysia, ianya tidak menjadikan seseorang itu warganegara Malaysia secara automatik. Ianya bergantung kepada status kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapa kandungnya semasa kelahiran itu berlaku.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)